

Bayaran elektrik mungkin mungkin naik sikit

Oleh RUHANIE AHMAD

KUALA LUMPUR, Khamis - Lembaga Elektrik Negara (LLN) mungkin akan menaikkan kadar bayaran elektrik yang rendah sekali tidak lama lagi, demikian dibayangkan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, di sini hari ini.

Kajian mengenai perkara itu dijalankan berikutan kenaikan harga minyak sekarang. LLN telah pun mengemukakan cadangan tarif baru elektrik kepada Kabinet.

Datuk Seri Dr. Mahathir membayangkan demikian kepada pemberita setelah mendengar taklimat mengenai masalah dan rancangan masa depan di Ibu pejabat LLN hari ini.

Timbalan Perdana Menteri berkata, "Berdasarakan keadaan harga minyak semakin melambung, adalah mustahil untuk menyatakan bahawa kadar bayaran elektrik tidak akan dikaji dan dinaikkan."

Terserah

"Bagaimanapun, yang menjadi persoalan sekarang adalah, berapa banyakkah pertambahan tersebut supaya LLN dapat meneruskan aktivitiinya seperti biasa.

"Oleh itu terserah kepada Kerajaan untuk mempertimbangkan masalah ini dan kita sedang berkhidmat untuk mengenakan pertambahan bayaran itu kepada kadar yang paling rendah.

"Kerajaan tidak akan membiarkan LLN menanggung beban kenaikan harga minyak ini tanpa banding-kendaraan oleh LLN sendiri."

LLN tambah beliau, telah mengemukakan cadangan menaikkan kadar bayaran itu kepada Kabinet. Oleh itu, kenaikan harga tersebut bergantung kepada keputusan yang akan diumumkan tidak lama lagi.

Kontrak

Menurut Datuk Seri Dr. Mahathir lagi, LLN memerlukan pinjaman Bank Dunia untuk membiayai kegiatannya selama ini. Lembaga ini terpaksa mengumpulkan wang yang cukup untuk membayar kembali pajamannya itu.

Di samping itu, Bank Dunia juga mengenakan syarat-syarat ketat mengenai pembayaran balik hutang-hutang tersebut.

"Oleh itu, memang menjadi kemungkinan besar tarif elektrik seluruh negara akan dinaikkan tidak lama lagi," katanya.

Sebelum sidang akhbar tersebut, beliau diberitahu masalah dan rancangan masa depan Lembaga itu.

Timbalan Perdana Menteri menegaskan LLN tidak mengalami kesukaran kontrak minyak dari negara pembekalnya.

Lembaga itu juga menerima 5 hingga 10 peratus minyak kegunaan awam dari PETRONAS dan akan ditambah apabila keadaan memerlukannya.

Sekiranya tarif elektrik itu diluluskan oleh Kabinet, ia merupakan kenaikan kedua dalam tempoh lapan bulan ini. LLN menaikkan tarif elektriknya yang pertama sejak 1968, pada bulan Oktober lalu.

Kenalkan

LLN menaikkan kadar 2.6 sen senamir bagi kegunaan melebihi 150 unit sebulan. Pengguna-pengguna yang menggunakan kurang dari unit tersebut tidak terjejas.

Namun begitu, sumber-sumber LLN percaya Kerajaan akan mengemukakan satu sistem subsidi kepada pengguna bila kenaikan kadar baru diumumkan kelak.

Subsidi tersebut untuk meringankan beban LLN dalam menghadapi kenaikan harga minyak dan juga mengurangkan beban tanggungan rakyat keseluruhannya.

Datuk Seri Dr. Mahathir pula menegaskan, hanya 50 peratus ataupun 150,000 dari 300,000 tong minyak keluaran Malaysia setiap hari menjadi hak Kerajaan.

Kadar sedemikian, katanya, akan menjadi rendah dan bekalan pengeluaran minyak negara ini akan pupus kira-kira lima tahun lagi. Oleh itu beberapa langkah mencari ganti sumber tenaga sedang giat dijalankan.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia